

30 SEP 1999
Ketengah-Pertanian
KETENGAH RANGKA PROGRAM PERTANIAN

KUALA BERANG, 30 Sept (Bernama) -- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) merangka program untuk menjadi pengeluar pertanian utama di Terengganu terutama dalam sektor makanan menjelang alaf baru.

Pengurus Besarnya Alwi Said berkata program itu bertepatan dengan wawasan baru Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meningkatkan lagi sektor pertanian supaya setanding dengan sektor lain di negara ini.

"Bidang pertanian adalah satu sektor yang menguntungkan dan boleh dijadikan sebagai pendapatan utama penduduk sekiranya ia dijalankan dengan kaedah yang teratur serta penggunaan alat berteknologi tinggi," katanya selepas menghadiri majlis perasmian Dewan Besar Kampung Basong dekat sini hari ini.

Beliau berkata lembaga kemajuan itu membuka peluang kepada penduduk di kawasan pentadbirannya untuk menceburi projek menternak ayam kampung yang kini telah menunjukkan kemajuannya apabila berjaya menternak lebih 6,000 ekor sejak dijalankan bermula tahun ini.

Selain itu, KETENGAH juga merancang untuk menjadikan projek tanaman limau madu dan ubi kayu sebagai satu lagi produk yang menguntungkan untuk rakyat membabitkan diri secara meluas.

"Projek tanamam limau madu di Bukit Besi yang sedang dijalankan di kawasan seluas 400 hektar itu dijangka mula mengeluarkan hasilnya dalam masa tiga tahun lagi," katanya.

Projek tanaman ubi kayu di Jerangau yang dimulakan awal tahun ini untuk tujuan eksport dijangka mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusahanya, katanya.

Menurutnya KETENGAH merancang untuk membina sebuah kilang memproses ubi kayu di kawasan projek yang seluas 2,000 hektar itu bagi memudahkan kerja memproses dijalankan apabila ia berjaya nanti.

Alwi juga berkata kawasan KETENGAH yang mempunyai banyak tempat rekreasi dan alam semula jadi yang indah seperti Tasik Kenyir membuatkan agensi itu merancang untuk menjadikan pulau-pulau di tasik itu sebagai satu lagi produk pelancongan dengan menjalankan pelbagai aktiviti di situ, katanya.

-- BERNAMA
RIZ NMO